

17 JAN 2000

GPMS-Internet

GPMS NAFI JADI ALAT KAWAL INSTITUSI PENDIDIKAN

KUALA TERENGGANU, 17 Jan (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) hari ini meminta lebih 200,000 anggota gabungan itu di seluruh negara supaya tidak mudah terpengaruh dengan dakwah pihak yang tidak bertanggungjawab yang memburuk-burukan imej Gabungan pelajar itu.

Setiausaha Agung gabungan itu Syed Anuar Syed Mohamad memberi jaminan bahawa perjuangan GPMS tidak pernah berubah sejak diasaskan oleh Allahrayham Aminuddin Baki pada tahun 1948 bagi membela nasib pelajar Melayu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas maklumat yang tersebar luas di internet bahawa badan itu sedang merangka strategi untuk menguasai semua institusi pendidikan di negara ini melalui beberapa pemimpin politik di Kementerian Pendidikan.

Maklumat yang disebarkan melalui laman Wak Reformasi yang mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan beberapa pemimpin politik di Kementerian itu termasuk Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Prof Mahadzir Mohd Khir untuk menggerakkan GPMS bagi mengawal semua institusi pendidikan di negara ini.

"Kita nafikan sekeras-kerasnya dakwaan bahawa kita mahu menguasai atau mengawal Kementerian Pendidikan...itu tak betul sama sekali." katanya di sini hari ini.

Syed Anuar berkata GPMS tidak pernah menjadi alat kepada mana-mana pihak untuk kepentingan politik dan mengingatkan pihak berkenaan supaya segera menghentikan tindakan memburukkan imej gabungan itu.

Memang benar secara kebetulan beberapa pemimpin politik di Kementerian Pendidikan adalah orang kuat GPMS tetapi ia tidak mencerminkan agenda gabungan itu untuk mengawal institusi berkenaan, tegas beliau.

"Kita akan menyokong apa jua dasar yang boleh memberikan keuntungan kepada pelajar Melayu di negara ini tetapi ia tidak boleh disifatkan sebagai telah menjadi alat kepada pihak tertentu," katanya.

-- BERNAMA

AYB LAT